

USAH KELIRU ETIK KERJA

PM: Ada golongan salah tafsir

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

IPOH, Ahad —
Datuk Seri Dr.
Mahaathir
Mohamad
menegaskan
seruan kerajaan
supaya rakyat
Malaysia
meniru dan
mengamalkan
etika kerja
orang-orang
Jepun dan Korea
Selatan sama
sekali tidak ber-
tentangan
dengan ajaran
Islam.

Malah, kata Per-

dana Menteri,
gesaan kerajaan itu
selaras dengan ke-
hendak hadis Nabi
Muhammad s.a.w.
yang menyuruh
umatnya menuntut
ilmu walaupun
hingga ke Negeri
China.

Beliau menarik per-
hatian adanya golong-
an yang keliru dan
tersalah tafsiran
terhadap seruan kera-
jaan itu.

Katanya, hanya
mereka yang tidak mahu
orang Islam berjaya,
kuat, bebas dan bahagia
sahaja yang akan mem-
buat tafsiran lain
terhadap seruan kera-
jaan itu.

"Tidak ada yang
dicampur-aduk dari segi
agama. Jika kita meniru
cara kerja atau menun-
tut ilmu dari orang lain.

"Agama mereka ada-
lah agama mereka, dan
agama Islam adalah
agama Islam," tegas
beliau.

Perdana Menteri
menegaskan demikian
ketika merasmikan
Musabqah Membaca
Al-Quran Peringkat Ke-
bangsaan di sini malam
ini.

"Sebagai seorang Is-
lam kita disuruh menun-
tut ilmu walaupun hing-
ga ke Negeri China.

"Menuntut ilmu me-
merlukan disiplin dan
kesungguhan. Mem-
pelajari cara bekerja
dari Jepun dan Korea Se-
latan adalah sebahagian
dari usaha menuntut
ilmu itu," ujarnya.

Datuk Seri Dr.
Mahaathir berkata, Islam
merupakan satu cara
hidup yang paling sem-
purna yang meng-
utamakan disiplin dan
kesungguhan.

Dua sikap itu tam-
bahnya, bukan terhad
kepada amalan sem-
bahyang sahaja tetapi
mempunyai semua bidang
hidup.

"Selap yang disuruh
oleh agama Islam mem-
punyai aturan dan cara
yang ditentukan, ada
yang wajib, sunat dan ha-
rus.

"Semuanya diausun
untuk kebahagiaan dan
kemajuan kita, dan kita
akan mencapai ke-
bahagian dan kemajuan
jika kita patuh dan ber-
sungguh dalam amalan
kita," kata Perdana Men-
teri.

Tegas beliau lagi,
sekiranya pada hari ini
umat Islam dihina, die-
jek, lemah dan tidak
hidup bahagia, ini ialah
kerana kita tidak patuh
kepada ajaran Islam
yang sebenar.

"Ramai dari kita
membuat tafsiran sendi-
diri, yang lebih meng-
utamakan apa yang
dianggap rupa dan bunyi
Islam daripada isi kandun-
gan dan amalan
sebenar.

"Isi kandungan Islam
kita belakangkan, semen-
tara kita utamakan per-
kara titik-bengkil yang
kita cipta dan per-
juangkan sehingga
berlaku perpecahan di
kalangan orang Islam,"
jelasnya.

No. Siri 2829

No. Penerimaan 574/85

Mahathir: Hanya disiplin boleh majukan umat Islam

DARI MUKA 1

Perdana Menteri mengulang bahawa disiplin dan kesungguhan diperlukan untuk menjadi seorang Islam atau masyarakat Islam yang sempurna. Tanpa kedua sikap itu, amalan kita tidak bermakna.

Beliau menekankan tidak ada cara paling berkesan bagi menjamin masa depan umat Islam kecuali dengan meningkatkan disiplin dan kesungguhan dalam semua lapangan, termasuk pekerjaan.

Di samping beribadat dengan penuh disiplin, khususnya serta bersungguh-sungguh, bekerja dan berusaha

mengikut landasan disiplin dan kesungguhan yang dikehendaki Islam juga diperlukan, katanya.

"Kerja yang dibuat semata-mata kerana memenuhi waktu atau bagi mengisi syarat bagi mendapatkan upah, bukanlah mengikut cara yang disuruh dalam Islam.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, sehingga sekarang umat Islam masih mudah ditindas dan dipermainkan kerana kita membelakangkan perkara-perkara yang memerlukan disiplin dan kesungguhan.

"Banyak kerja yang penting kini diserahkan kepada orang lain kerana

kerja-kerja ini tidak selesai atau tidak menarik minat orang-orang Islam.

"Sebaliknya, mereka suka kepada kerja-kerja ringan, berpangkat, yang tidak memerlukan kecekapan, disiplin dan kesungguhan.

Ini semua menjadikan orang Islam dan negara mereka bertambah lemah dan menyebabkan mereka tidak bebas dan berdikari," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir.

Seterusnya, Perdana Menteri berharap, umat Islam mengambil peluang dari majlis musabqah itu untuk mendapatkan teladan dan pengajaran dari ayat-ayat suci Al-Quran yang diperdengarkan.